



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR

SIJIL PELAJARAN MRSM 2022

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

3
7
5
6
1

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Berikut adalah Buku Catatan Pertama bagi Perniagaan Raiqal Trading.

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2022 Sept 10	Alatan Pejabat Kedai Perabot Chinta	2 110	2 110

Apakah prinsip perakaunan yang diamalkan ?

- A Ketekalan
 - B Entiti berasingan
 - C Wang sebagai ukuran
 - D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 2 Manakah ciri yang tepat bagi Syarikat Sahabat Berhad ?
- A Liabiliti tidak terhad
 - B Untung rugi dikongsi antara pemilik
 - C Diuruskan oleh Ahli Lembaga Pengarah
 - D Modal disumbangkan oleh rakan kongsi
- 3 Antara berikut, yang manakah merupakan kumpulan aset semasa ?
- A Bank, Insurans prabayar, Dividen belum terima
 - B Tunai, Sewa belum bayar, Akaun Belum Terima
 - C Akaun Belum Terima, Inventori, Komisen belum terperoleh
 - D Akaun Belum Bayar, Pinjaman bank, Kadar Bayaran belum bayar
- 4 Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Bertambah	Tidak berubah	Bertambah

Urus niaga manakah menepati kesan berkenaan ?

- A Pemilik menjual barang niaga secara tunai
- B Pemilik memasukkan wang peribadi ke dalam perniagaan
- C Pemilik mengambil barang niaga untuk hadiah hari lahir isteri
- D Pemilik membeli barang niaga secara kredit daripada Syarikat Daya Sdn Bhd

5 Apakah padanan yang tepat bagi catatan kontra ?

	Akaun Induk	Catatan Kontra
I	Akaun Belum Terima	Peruntukan hutang ragu
II	Belian	Pulangan keluar
III	Jualan	Diskaun diberi
IV	Bank	Tunai

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

6 Apakah tujuan diskaun tunai diberikan oleh pemilik perniagaan ?

- A Menggalakkan pelanggan membeli secara pukal
 B Mengelakkan daripada berlakunya hutang lapuk terpulih
 C Mendorong pelanggan untuk membayar hutang dengan lebih cepat
 D Meningkatkan hasil jualan kerana diberikan kepada semua pelanggan

7 Aliran dokumen manakah yang tepat bagi urus niaga secara kredit ?

- A Sebutharga → Invois → Katalog → Resit
 B Katalog → Invois → Sebutharga → Resit
 C Sebutharga → Katalog → Invois → Resit
 D Katalog → Sebutharga → Invois → Resit

8 Apakah urus niaga yang sesuai direkodkan dalam Jurnal Am ?

- A Pulangan barang niaga kepada pembekal
 B Belian aset bukan semasa secara kredit
 C Ambilan tunai oleh pemilik perniagaan
 D Jualan barang niaga secara kredit

9 Maklumat berikut diperolehi daripada perusahaan Suffy Butique.

Buku Tunai (petikan)				
Tarikh	Butir	Diskaun	Bank	Tunai
2022		RM	RM	RM
Ogos 15	Rayyan Silk	100	2 500	

Urus niaga manakah yang menerangkan catatan di atas ?

- A Membuat bayaran kepada Rayyan Silk dengan cek bernilai RM2 500 dan diskaun diterima sebanyak RM100
 B Menerima bayaran daripada Suffy Butique dengan cek bernilai RM2 500 dan diskaun diberi sebanyak RM100
 C Membuat bayaran kepada Suffy Butique dengan cek bernilai RM2 500 dan diskaun diterima sebanyak RM100
 D Menerima bayaran daripada Rayyan Silk dengan cek bernilai RM2 500 dan diskaun diberi sebanyak RM100

[Lihat halaman sebelah

- 10 Berikut adalah butiran Buku Tunai Runcit Restoran Mia untuk bulan Julai 2022.

	RM
Baki awal	300
Pembayaran:	
Belanja pos	10
Minuman pejabat	15
Upah kerani pejabat	250
Tambang	25
Alat tulis	50

Berapakah jumlah rekupmen ?

- A RM100
- B RM200
- C RM300
- D RM350

- 11 Maklumat berikut diambil daripada Lejar Jualan Ikhlas Holding.

Akaun Belum Terima: Layla Enterprise		
	2022	RM
Ogos 16	Bank	3 000

Apakah urus niaga yang berlaku pada 16 Ogos 2022 ?

- A Ikhlas Holding membeli barang niaga daripada Layla Enterprise dengan cek
- B Ikhlas Holding menjual barang niaga kepada Layla Enterprise dengan cek
- C Layla Enterprise menerima bayaran daripada Ikhlas Holding dengan cek
- D Layla Enterprise membuat bayaran kepada Ikhlas Holding dengan cek

- 12 Kesilapan manakah yang tidak memberi kesan terhadap Imbangan Duga ?

- A Kesilapan terbalik
- B Kesilapan menghitung
- C Kesilapan ketinggalan satu catatan
- D Kesilapan merekod di bahagian yang sama

- 13 Apakah tujuan nisbah kecairan ?

- A Mengukur prestasi pengurusan sesebuah perniagaan
- B Mengukur kemampuan menjelaskan hutang
- C Mengukur kecekapan pengurusan inventori
- D Mengukur tahap keuntungan perniagaan

- 14 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Leona.

Untung bersih	RM60 000
Margin untung bersih	25%
Kos Jualan	RM168 000

Berapakah untung kasar ?

- A RM42 000
 B RM72 000
 C RM108 000
 D RM240 000
- 15 Berikut ialah petikan buku perniagaan Umar Mini Market.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2021		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Inventori Awal	1 600	
Modal		15 000
M	350	

Apakah **M** ?

- A Dividen
 B Hutang Lapuk
 C Pulangan Belian
 D Diskaun Diterima
- 16 Pasar raya Lotus Mersing merekodkan pergerakan inventori dengan menggunakan mesin pengimbas. Apakah sistem inventori yang diamalkan oleh perniagaan tersebut ?
- A Sistem inventori berterusan
 B Sistem inventori berkala
 C Sistem inventori terbuka
 D Sistem inventori purata

17 Manakah catatan penutupan yang tepat ?

A

Akaun Belian			
	RM		RM
Ambilan	5 596	Bank	1 350
Akaun Untung Rugi	12 300	Akaun Belum Bayar	16 546
	<u>17 896</u>		<u>17 896</u>

B

Akaun Belian			
	RM		RM
Bank	1 350	Ambilan	5 596
Akaun Belum Bayar	16 546	Akaun Untung Rugi	12 300
	<u>17 896</u>		<u>17 896</u>

C

Akaun Belian			
	RM		RM
Bank	1 350	Ambilan	5 596
Akaun Belum Bayar	16 546	Akaun Perdagangan	12 300
	<u>17 896</u>		<u>17 896</u>

D

Akaun Belian			
	RM		RM
Ambilan	5 596	Bank	1 350
Akaun Perdagangan	12 300	Akaun Belum Bayar	16 546
	<u>17 896</u>		<u>17 896</u>

18 Apakah sebab berlakunya pelupusan aset bukan semasa ?

- A Berlaku kerugian dalam perniagaan
- B Berlaku kerosakan fizikal dan keusangan
- C Kos penyelenggaraan semakin berkurang
- D Hasil operasi perniagaan semakin bertambah

- 19 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Danny pada 1 April 2021.

Aset	Harga Kos	Nilai Buku
Kenderaan	RM178 500	RM58 800

Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 5% mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan pada 31 Mac 2022?

- A RM64 785
- B RM122 640
- C RM125 685
- D RM187 425

- 20 Petikan berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Rynna.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2021		
Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Insurans	1 500	
Komisen		3 570

Maklumat tambahan :

- (i) Insurans yang dibayar adalah bagi tempoh setahun bermula 1 Januari 2021.
- (ii) Komisen RM270 masih belum diterima.

Apakah nilai yang tepat di dalam Imbangan Duga Terselaras ?

	Insurans RM	Komisen RM
A	125	270
B	125	3 840
C	750	3 840
D	750	270

- 21 Butiran apakah yang direkodkan dalam Buku Tunai dikemaskini ?

- I Dividen
- II Cek tak laku
- III Cek belum dikemukakan
- IV Deposit belum dikreditkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

22 Maklumat berikut diperolehi daripada Aisha Enterprise.

Buku Tunai (petikan)			
	Tarikh	Butir	No. Cek RM
	2022		
	April 15	Perabot	600031 435

Penyata Bank (petikan)			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2022		RM	RM
April 20	No. cek 600031	543	

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai dikemaskini ?

A

Buku Tunai		
	Tarikh	Butir RM
	April 30	Perabot 108

B

Buku Tunai		
	Tarikh	Butir RM
	April 30	Perabot 543

C

Buku Tunai		
Tarikh	Butir	RM
April 30	Perabot	108

D

Buku Tunai		
Tarikh	Butir	RM
April 30	Perabot	543

23 Maklumat berikut diperolehi daripada ringkasan Belanjawan Tunai Perniagaan Eisy.

	Feb RM	Mac RM	April RM
Jumlah Penerimaan	30 000	12 000	27 000
Jumlah Pembayaran	12 000	8 000	25 000
Baki akhir	18 000	P	Q

Berapakah nilai Q ?

- A RM12 000
- B RM16 000
- C RM20 000
- D RM24 000

- 24 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Alyaa pada 31 Ogos 2022.

	RM
Modal awal	10 000
Modal tambahan	1 400
Untung bersih	6 800
Ambilan	900

Berapakah modal akhir ?

- A RM14 500
 B RM16 300
 C RM17 300
 D RM19 100
- 25 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Encik Hasri yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap.

	1 Julai 2021	30 Jun 2022
Insurans Prabayar	RM250	RM400

Maklumat tambahan:

Jumlah pembayaran insurans ialah RM1 300

Berapakah jumlah insurans yang direkod dalam Akaun Untung Rugi ?

- A RM1 150
 B RM1 300
 C RM1 450
 D RM1 950
- 26 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Encik Hazrin yang mengamalkan sistem catatan tunggal.

	RM
Jualan Tunai	1 900
Diskaun diberi	850
Bank	3 200
Akaun Belum Terima pada 1 Januari 2021	12 500
Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2021	24 400

Berapakah jumlah jualan pada tempoh perakaunan tersebut ?

- A RM12 350
 B RM14 050
 C RM15 950
 D RM17 850

[Lihat halaman sebelah

27 Manakah antara berikut merupakan jenis rakan kongsi ?

- I Rakan kongsi khas
- II Rakan kongsi lelap
- III Rakan kongsi nominal
- IV Rakan kongsi tidak terhad

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Maklumat berikut diperolehi daripada Klinik Wafey dan Rakan-rakan bagi tahun berakhir 31 Julai 2022.

	RM
Ambilan Wafey (1 Ogos 2021)	5 000
Faedah atas ambilan	6%

Pada 1 April 2022, Wafey membuat ambilan sebanyak RM1 200.

Berapakah faedah atas ambilan ?

- A RM252
- B RM324
- C RM348
- D RM372

29 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian A&N.

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	RM		RM
R	5 000	Untung Bersih	13 500
		S	150

Apakah **R** dan **S** ?

	R	S
A	Faedah atas modal	Faedah atas ambilan
B	Faedah atas ambilan	Faedah atas modal
C	Gaji pekongsi	Ambilan
D	Ambilan	Gaji pekongsi

- 30 Amir & Hassan Cafe telah bersetuju untuk membubarkan perniagaan perkongsian mereka kerana Hassan akan berpindah ke luar negara.

Apakah catatan yang betul untuk merekod belanja guaman semasa proses pembubaran ?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Realisasi	Modal Amir Modal Hassan
B	Modal Amir Modal Hassan	Realisasi
C	Bank	Realisasi
D	Realisasi	Bank

- 31 Apakah kelebihan bagi pemegang Syer Keutamaan?
- A Dividen bersifat kumulatif
 B Dividen dibayar selepas dividen Syer Biasa
 C Kadar dividen ditentukan oleh ahli lembaga pengarah
 D Kadar dividen berubah mengikut keuntungan syarikat
- 32 Apakah catatan bergu bagi merekod terbitan Syer Biasa ?

	Debit	Kredit
A	Permohonan Syer Biasa	Modal Syer Biasa
B	Modal Syer Biasa	Permohonan Syer Biasa
C	Modal Syer Biasa	Bank
D	Bank	Modal Syer Biasa

- 33 Maklumat berikut diperoleh daripada Ancasa Raya Berhad pada 30 September 2022.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh 1 500 000 unit 8% Syer Keutamaan bernilai RM2.00 sesyer
--

Pada 1 Januari 2022, lembaga pengarah bersetuju membayar Dividen Interim kepada pemegang Syer Keutamaan.

Berapakah Dividen Akhir Syer Keutamaan ?

- A RM90 000
 B RM120 000
 C RM180 000
 D RM240 000
- 34 Urus niaga manakah merupakan pendapatan modal bagi kelab dan persatuan ?
- A Menerima yuran pertandingan
 B Menerima faedah simpanan tetap
 C Memperoleh mesin fotostat sebagai derma
 D Keuntungan daripada aktiviti perniagaan kelab

- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Memanah Pontian.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Yuran belum terima	40	80
Yuran belum terperoleh	50	30

Maklumat tambahan:

Yuran diterima sepanjang tahun adalah RM700

Berapakah jumlah yuran dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan ?

- A RM640
 B RM660
 C RM740
 D RM760
- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Rekreasi Cahya pada 1 Januari 2021.

	RM
Alatan sukan	3 300
Tunai	500
Yuran belum terperoleh	120
Derma	100

Berapakah dana terkumpul pada tarikh tersebut?

- A RM3 508
 B RM3 920
 C RM4 020
 D RM3 680
- 37 Antara berikut, manakah butiran kos prima bagi Kilang Pizza Ilham?

- I Ketuhar
 II Kadar bayaran
 III Upah operator kilang
 IV Tepung gandum dan yis

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 38 Maklumat di bawah diperolehi daripada Kilang Kasut Azri.

	1 Julai 2021 RM	30 Jun 2022 RM
Inventori bahan langsung	4 200	5 600
Kerja dalam proses	1 100	1 700

	RM
Belian bahan langsung	52 000
Kos buruh langsung	11 000
Kos buruh tak langsung	3 800
Royalti	2 000
Angkutan keluar	300

Berapakah jumlah Kos Prima ?

- A RM63 000
 B RM63 600
 C RM63 900
 D RM67 400
- 39 Berikut merupakan kos yang terlibat dalam pengeluaran kerepek tempe keluaran Kilang Tempe Wak Karmon.

Kos tetap	RM6 500
Kos berubah seunit	RM2.00
Harga jualan seunit	RM6.00
Jumlah pengeluaran	5 000 unit

Berapakah untung sasaran ?

- A RM13 500
 B RM16 500
 C RM23 500
 D RM30 000
- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Dapur Frozen Ummi pada 31 Julai 2022.

	RM
Sewa premis	3 000
Gaji penyelia	1 000
Kos berubah seunit	5
Harga jualan seunit	10

Berapakah titik pulang modal dalam unit bagi perniagaan berkenaan ?

- A 800
 B 600
 C 400
 D 300

KERTAS SOALAN TAMAT

